

02/07/1999

Mahathir lawat projek tanaman sayur

KEPALA BATAS, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini mengadakan lawatan singkat ke projek tanaman sayur berkelompok Kampung Lembah Raja, Pinang Tunggal, Seberang Prai Utara (SPU), dekat sini.

Ketibaan Perdana Menteri di sambut kira-kira 1,000 penduduk tempatan yang setia menunggu sepanjang jalan kampung berkenaan walaupun hujan agak lebat ketika lawatan Dr Mahathir.

Beliau turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pinang Tunggal, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Ketika lawatan itu, Perdana Menteri diberikan taklimat ringkas berkenaan dengan projek tanaman sayur berkelompok yang diusahakan oleh 68 penduduk kampung berkenaan termasuk 48 petani Cina dan 20 Melayu.

Projek tanaman sayur yang diusahakan dalam kawasan seluas 74 hektar di daerah SPU itu berjaya menambah pendapatan petani antara RM900 hingga RM2000 semusim.

Antara sayuran yang ditanam termasuk cili dengan hasil bernilai RM88,000 semusim, kacang buncis (RM48,000) dan kacang bendi (RM37,000).

Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Pulau Pinang tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Butterworth, di sini kira-kira jam 8.45 pagi ini.

Turut menyambut Perdana Menteri, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta kira-kira 400 penyokong parti komponen BN.

Dr Mahathir seterusnya ke Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas bagi mengadakan perjumpaan tertutup dengan Jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri dan Pergerakan Pemuda dan Wanita negeri.

(END)